

IMUNISASI

CARA MENDAPATKAN DAYA TAHAN PENYAKIT YANG LEBIH KUAT





IMUNISASI



Imunisasi penting bagi mengelakkan kanak-kanak daripada dijangkiti penyakit seperti batuk kering, lumpuh (polio), kancing gigi (tetanus), batuk kokol dan demam campak.

Imunisasi dilakukan sebaik sahaja bayi lahir dan mengikut jadual yang ditetapkan.



MUNISASI MELINDUNGI KANAK-KANAK DARIPADA LAPAN PENYAKIT BERBAHAYA IAITU HEPATITIS B, DIFTERIA, BATUK KERING, TETANUS, POLIO, CAMPAK, BATUK KOKOL, DAN SINDROM KONGENITAL RUBELLA



Kanak-kanak yang mendapat imunisasi menerusi suntikan vaksin atau vaksin yang dititis ke dalam mulut akan mempunyai daya tahan penyakit yang lebih kuat. Mereka yang tidak diberi imunisasi menghadapi risiko serangan penyakit-penyakit seperti Hepatitis B, Difteria, Batuk Kering, Tetanus, Polio, Campak, Batuk Kokol dan Rubella. Mereka akan menjadi lemah dan hilang upaya.



Bayi mungkin diserang Hepatitis B iaitu sejenis penyakit hati yang kronik semasa dilahirkan atau semasa berumur setahun.

Difteria pula boleh menyebabkan kesukaran untuk bernafas dan masalah kepada jantung.

Anggapan bahawa penyakit campak adalah baik untuk kanak-kanak adalah tidak betul. Antara kesan sampingan penyakit campak ialah cirit-birit, penyakit paru-paru, jangkitan dalam otak dan buta.



Bayi dalam kandungan ibu juga boleh menjadi cacat atau mati jika ibunya dijangkiti rubella pada peringkat awal kehamilan. Imunisasi rubella yang diberi kepada wanita yang tidak mengandung akan melindungi anak dalam kandungan apabila mereka hamil kelak.

Susu ibu merupakan imunisasi asli terhadap beberapa jenis penyakit. Sebahagian daripada antibodi ibu yang memperkuat daya tahan penyakit akan disalurkan kepada bayi menerusi susu ibu yang mengandungi cairan kuning pekat yang dipanggil kolostrum. Cairan ini biasanya keluar untuk beberapa hari selepas ibu-ibu bersalin.



Pemberian susu ibu secara eksklusif perlu diteruskan untuk 4 bulan hingga 6 bulan, diikuti dengan makanan tambahan bersama susu ibu sehingga berumur 2 tahun.

2

1

MUNISIASI PERLU DISEGERAKAN DAN DILENGKAPKAN SEBELUM KANAK-KANAK MENCAPAI UMUR SATU TAHUN.

Adalah penting kanak-kanak dilengkapi dengan imunisasi untuk perlindungan sepenuhnya. Imunisasi Hepatitis B, DPT dan polio diberikan sebanyak tiga kali sebelum mencapai umur satu tahun.



6 KALI LAWATAN SEBELUM MENCAPAI UMUR
1
TAHUN

Jika mengikut jadual, kanak-kanak akan diberi imunisasi yang lengkap dalam 6 kali lawatan ke klinik sebelum mencapai umur setahun. Dos tambahan akan diberi sekali apabila berumur 18 bulan, mengikut jadual yang ditetapkan.



JADUAL IMUNISASI KANAK-KANAK

UMUR	PENYAKIT YANG PERLU DIIMUNISASI
Semasa lahir	Hepatitis B dan tibi
1 bulan	Hepatitis B
3 bulan	Difteria, batuk kokol, tetanus dan polio
4 bulan	Difteria, batuk kokol, tetanus dan polio
5 bulan	Difteria, batuk kokol, tetanus, polio dan hepatitis B
9 bulan	Campak
18 bulan	Difteria, batuk kokol, tetanus dan polio

Jika seseorang kanak-kanak tidak dapat diberi imunisasi yang lengkap atas sebab dan pada masa tertentu, laksanakan imunisasi seberapa segera.

Pemberian dos tambahan sangat penting bagi kanak-kanak sekolah. Jadual yang dicadangkan ialah:

UMUR	PENYAKIT YANG PERLU DIIMUNISASI
Darjah 1	Difteria, tetanus dan polio.
Darjah VI	Tibi
Darjah VI - ke atas	Rubella untuk pelajar perempuan jika belum diberikan.
Tingkatan III	Tetanus

3

P

EMBERIAN IMUNISASI KEPADA KANAK-KANAK YANG TIDAK SIHAT ADALAH SELAMAT

Anggapan bahawa kanak-kanak yang demam, batuk, selsema, cirit-birit atau yang menghidap penyakit ringan tidak boleh diberikan imunisasi adalah tidak benar.

Imunisasi bukan hanya selamat untuk kanak-kanak yang menghidap penyakit ringan malah ia lebih baik bagi kanak-kanak yang kurang zat makanan semasa sakit.

Kanak-kanak mungkin demam, badan beruam atau bengkak di tempat suntikan 48 jam selepas diberikan imunisasi secara suntikan.

Jangan bimbang kerana tindakbalas ini biasa. Berilah mereka makan dan minum banyak air termasuk susu tetapi jika keadaan itu berlarutan melebihi tiga hari, bawalah mereka ke klinik.



4

W

ANITA BERUMUR ANTARA 15 – 44 TAHUN PERLU MENDAPAT IMUNISASI TETANUS

Wanita-wanita pada peringkat umur 15 – 44 tahun juga perlu mendapat imunisasi tetanus agar diri dan anak yang akan dilahirkan terlindung dari bahaya tetanus. Apabila ibu mendapat imunisasi, daya tahan yang ada dalam tubuhnya itu akan disalurkan kepada bayi sebelum bayi dilahirkan.

Oleh itu, bagi melindungi diri mereka dan anak yang akan dilahirkan, wajar bagi ibu-ibu mendapatkan imunisasi tetanus sebelum atau semasa mengandung. Imunisasi juga boleh diberi kepada wanita yang masih dalam peringkat umur subur.





DOS PERTAMA DIBERI SEBAIK SAJA MENGANDUNG

IMUNISASI TETANUS



DOS KEDUA DIBERI EMPAT MINGGU KEMUDIAN

Jika seseorang wanita belum mendapat imunisasi tetanus, satu dos perlu diberi sebaik saja dia mengandung. Dos kedua pula boleh diberi empat minggu selepas dos pertama tetapi pastikan ia diberi empat minggu sebelum bersalin.

Selepas itu satu dos diperlukan setiap kali wanita itu hamil.

5


W

WANITA BERUMUR ANTARA 15 HINGGA 44 TAHUN PERLU IMUNISASI RUBELLA

Rubella mungkin merupakan penyakit ringan tetapi jika wanita yang mengandung dijangkiti penyakit itu pada peringkat awal mengandung, berkemungkinan anak yang dikandungnya akan cacat dan jika jangkitan itu teruk, anak itu mungkin mati.

Imunisasi Rubella sebelum mengandung dapat menghindarkan jangkitan tersebut. Hanya satu dos diperlukan bagi mendapat perlindungan sepanjang tempoh suburnya iaitu antara umur 15 tahun — 44 tahun.





Diterbitkan oleh:
Unit Pendidikan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.